<table>
<tr><th>NO SOALAN</th><th>JAWAPAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>1(a) (i)</td><td>Maksud kalimah yang bergaris :<br><br>F1 لَهْوًا = gurauan<br><br>F2 شَرَابٌ = minuman<br><br>2F x 1m = 2m</td><td><br><br>1<br><br>1<br><br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>(ii)</td><td>Imam al-Qurtubi berkata :<br>"Jika seseorang melihat kemungkaran, hendaklah dia memberikan nasihat dan peringatan. Sekiranya nasihat dan peringatan tersebut ditolak, maka tinggalkanlah mereka."<br>Berdasarkan kata-kata di atas kaitkan kefahaman anda dengan larangan mempersenda agama.<br><br>
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi & huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh atau sebab atau dalil sokongan.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh / sebab / dalil sokongan /<br>Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
<br>Cadángan Isi :<br>• Memberikan teguran dengan hikmah.<br>• Tanda tidak meredai kemungkaran.<br><br>Contoh Jawapan :<br>Apabila saya melihat perbuatan mempersenda agama seperti memperlekeh golongan alim, sewajarnya saya memberikan teguran dengan hikmah [ISI]. Hal ini supaya pelaku yang menyindir ajaran Islam menyedari kesalahan tersebut [H]. Cara ini menunjukkan kewajipan amar makruf nahi mungkar dilaksanakan secara bijaksana tanpa mencetus provokasi yang lebih parah [HL]. Justeru, jika perbuatan itu berterusan dan nasihat ditolak, saya perlu menjauhkan diri daripada golongan tersebut agar iman saya terpelihara [K].</td><td>KBAT<br>4m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br>HL=1m<br>K=1m<br><br>Mak=4m</td></tr>
<tr><td>(iii)</td><td>Apakah kemungkinan yang akan berlaku sekiranya masyarakat mengabaikan kata-kata tersebut?<br><br>
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi & huraian yang menyokong isi.</td><td>2m</td></tr>
</table>
<br>Contoh Jawapan :<br>Kemungkaran akan semakin berleluasa [ISI] kerana tanpa nasihat perbuatan seperti mempersenda agama akan dianggap biasa, akhirnya merebak dalam masyarakat [H].</td><td>KBAT<br>2m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br><br>Mak=2m</td></tr>
</table>



Join SPM Study Group
https://spmpaper.me/group

<table>
<tr><th>NO SOALAN</th><th>JAWAPAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>(b)</td><td>Cara wakaf bagi tanda berikut :<br>F1 Wasal lebih utama.<br>F2 Wakaf lebih utama.<br>2F x 1m = 2m</td><td>1<br>1<br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>(c) (i)</td><td>Nyatakan dua golongan yang dimaksudkan dalam hadis selain seseorang yang mengingati Allah SWT secara bersendirian sehingga menitiskan air mata.<br>F1 Pemimpin yang adil.<br>F2 Pemuda yang hidupnya taat kepada Allah SWT.<br>F3 Seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid.<br>F4 Dua orang yang bertemu dan berpisah kerana Allah SWT.<br>F5 Seseorang yang membenci perbuatan maksiat kerana takut kepada Allah SWT.<br>F6 Seseorang yang menyembunyikan sedekahnya.<br>2F x 1m = 2m</td><td>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>(ii)</td><td>Maksud seseorang yang mengingati Allah SWT secara bersendirian sehingga menitiskan air mata :<br>Seseorang yang mengingati Allah SWT sama ada melalui hati atau lisan /1m dengan penuh ikhlas dan rasa takut kepada-Nya./1m<br>2F x 1m = 2m</td><td>1<br>1<br>Mak=2</td></tr>
<tr><td>(iii)</td><td>Pada pendapat anda, mengapakah golongan remaja cenderung memilih cara mengisi masa lapang seperti gambar A?<br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi & huraian yang menyokong isi.</td><td>2m</td></tr></table>Contoh jawapan :<br>Perkara ini berlaku kerana pengaruh rakan sebaya yang nakal [ISI] sehingga tidak dapat membezakan di antara perkara baik dan buruk [H].</td><td>KBAT<br>2m<br>Isi=1m<br>H=1m<br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>(iv)</td><td>Bagaimana situasi dalam gambar B dapat membentuk masyarakat yang lebih baik.<br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi & huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi & huraian lengkap. Contoh atau sebab atau dalil sokongan.</td><td>3m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh / sebab / dalil sokongan / Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table>Cadangan Isi :<ul><li>Masyarakat berakhlak mulia.</li><li>Mengurangkan konflik dan perpecahan dalam komuniti.</li></ul>Contoh jawapan :<br>Situasi di atas dapat melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia dan saling mengajak kepada kebaikan [ISI]. Hal ini kerana nilai murni seperti nasihat-menasihati dapat diamalkan secara meluas dalam masyarakat [H]. Kesannya, masyarakat akan menjadi lebih harmoni, bersatu padu dan bebas daripada gejala sosial [HL]. Kesimpulannya, kita hendaklah mengamalkan sifat mahmudah dalam diri agar dapat membentuk masyarakat yang sejahtera dan diredai Allah SWT [K].</td><td>KBAT<br>4m<br>Isi=1m<br>H=1m<br>HL=1m<br>K=1m<br>Mak=4m</td></tr>
</table>



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

<table>
<tr><th>NO SOALAN</th><th>JAWAPAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>2(a) (i)</td><td>Maksud al-Muntaqim :<br><br>Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Pembalas /1m<br>dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas./1m<br>2F x 1m = 2m</td><td><br><br>1<br>1<br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>(ii)</td><td>Kefahaman mengenai Allah SWT bersifat al-Muntaqim :<br><br>F1 Allah SWT memberikan pembalasan dengan seksaan neraka terhadap orang yang menolak peringatan al-Quran.<br>F2 Allah SWT menimpakan azab dalam peristiwa al-Dukhan iaitu kaum Quraisy ditimpakan dengan kemarau panjang sehingga debu seperti asap menutupi mereka kerana mereka menolak dakwah Rasulullah SAW.<br>F3 Allah SWT memberikan pembalasan terhadap golongan yang menentang agama-Nya setelah diutuskan rasul dan diberi keterangan yang jelas.<br>1F x 2m = 2m</td><td>2<br><br>2<br><br>2<br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>(iii)</td><td>Berdasarkan gambar di atas, kaitkannya dengan kesan keimanan terhadap nama Allah SWT al-Muntaqim.<br><br>
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi & huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi & huraian lengkap. Contoh atau sebab atau dalil sokongan.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh / sebab / dalil sokongan / Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
<br>Cadangan isi :<br>• Memelihara diri daripada melakukan dosa.<br>• Takut untuk mengingkari perintah Allah SWT.<br>• Sentiasa melakukan amalan baik dan mulia.<br><br>Contoh jawapan :<br>Individu yang beriman dengan Allah SWT bersifat al-Muntaqim akan memelihara diri daripada melakukan dosa [ISI]. Hal ini kerana mereka meyakini bahawa Allah SWT Maha Pembalas terhadap orang yang mengingkari dan melampaui batas agama [H]. Contohnya Allah SWT menurunkan bencana banjir besar sebagai iktibar dan pengajaran untuk menjauhi larangan Allah SWT [HL]. Oleh itu, kita hendaklah menjauhkan diri daripada golongan yang menolak dan menentang agama agar terhindar daripada balasan azab Allah SWT di akhirat kelak [K].</td><td>KBAT<br>4m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br>HL=1m<br>K=1m<br><br>Mak=4m</td></tr>
<tr><td>(iv)</td><td>Pada pandangan anda, mengapakah situasi di atas tercatat dalam al-Quran?<br>
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi & huraian yang menyokong isi.</td><td>2m</td></tr>
</table>
<br>Contoh jawapan :<br>Menjadi iktibar dan pengajaran dalam hidup [ISI] agar tidak mengingkari ajaran nabi [H].</td><td>KBAT<br>2m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br><br>Mak=2m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>NO SOALAN</th><th>JAWAPAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>2(b) (i)</td><td>Sejarah ringkas aliran Khawarij :<br><br>Kumpulan pengikut Saidina Ali bin Abu Talib ra yang berpaling tadah /[1m]<br>kerana tidak berpuas hati dengan keputusan Majlis Tahkim./ [1m]<br>2F x 1m = 2m</td><td>1<br>1<br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>(ii)</td><td>Perbezaan pandangan Ahli Sunah Wal Jamaah dan Khawarij tentang isu pelaku dosa besar :<br><br><table><tr><th></th><th>Ahli Sunah Wal Jamaah</th><th>Khawarij</th></tr><tr><td>F1</td><td>Tetap dikira sebagai mukmin bukan kafir dan dihukum fasik jika tidak bertaubat.</td><td>Pelaku dosa besar dianggap kafir.</td></tr></table><br>2F x 1m = 2m</td><td>2<br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>(iii)</td><td>Berdasarkan mafhum hadis di atas, mengapakah aliran ini masih wujud pada akhir zaman?<br><br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi & huraian yang menyokong isi</td><td>2m</td></tr></table><br>Contoh jawapan:<br>Kemunculan golongan Khawarij berpunca daripada salah faham agama [I] kerana menolak panduan ulama muktabar [H].</td><td>KBAT<br>2m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br><br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>(iv)</td><td>Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku dalam masyarakat sekiranya aliran ini tidak dibendung.<br><br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi & huraian ringkas</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi & huraian lengkap. Contoh atau sebab atau dalil sokongan</td><td>3m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi & huraian lengkap<br>Contoh / sebab / dalil sokongan / Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan isi :<ul><li>Budaya kafir mengkafirkan akan berleluasa.</li><li>Masyarakat huru hara / berpecah-belah / porak peranda / putus silaturahim.</li><li>Munculnya ekstremisme dan keganasan.</li></ul>Contoh jawapan :<br>Budaya kafir mengkafirkan akan berleluasa dalam masyarakat [ISI]. Hal ini disebabkan oleh golongan ini cenderung menghukum orang lain sebagai kafir hanya kerana perbezaan pandangan [H]. Impaknya persaudaraan Islam akan runtuh dan tidak harmoni [HL]. Kesimpulannya, kita hendaklah kembali kepada ajaran Islam yang sebenar seperti yang diajarkan oleh baginda Rasulullah SAW [K].</td><td>KBAT<br>4m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br>HL=1m<br>K=1m<br><br>Mak=4m</td></tr>
</table>

SERTAI TELEGRAM @exercise_students

| NO SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 3(a) (i) | **Dua jenis haji :**<br>F1 Haji Ifrad<br>F2 Haji Tamattuk<br>F3 Haji Qiran<br>**2F x 1m = 2m** | 1<br>1<br>1<br>**Mak=2m** |
| (ii) | **Dua persamaan haji dan umrah dari aspek perkara wajib :**<br>F1 Larangan ihram / meninggalkan larangan ihram / contoh-contoh larangan ihram.<br>F2 Mempunyai miqat makani / berniat ihram di miqat.<br>**2F x 1m = 2m** | 1<br>1<br>**Mak=2m** |
| (b) (i) | **Mengapakah ramai dalam kalangan remaja sekarang meremehkan ibadah ketika berlakunya fenomena di atas?**<br><br>Deskriptor — Skor<br>Menyatakan isi sahaja — 1m<br>Menjelaskan isi & huraian yang menyokong isi — 2m<br><br>**Contoh Jawapan :**<br>Kurang pengetahuan tentang cara melaksanakan solat sunat gerhana [ISI] kerana leka dengan hiburan [H]. | KBAT<br>2m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br><br>Mak=2m |
| (ii) | **Bagaimanakah ilmu sains tentang fenomena ini dapat membantu meningkatkan keyakinan terhadap kebesaran Allah SWT?**<br><br>Deskriptor — Skor<br>Menyatakan isi sahaja — 1m<br>Menjelaskan isi & huraian ringkas — 2m<br>Menjelaskan isi & huraian lengkap Contoh atau sebab atau dalil sokongan — 3m<br>Menjelaskan isi & huraian lengkap. Contoh atau sebab atau dalil sokongan / Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik — 4m<br><br>**Cadangan isi :**<br>• Fenomena yang kompleks berlaku dengan teratur<br>• Menunjukkan ketepatan sistem pergerakan bulan, bumi dan matahari yang diatur oleh Allah SWT.<br><br>**Contoh Jawapan :**<br>Fenomena gerhana yang kompleks berlaku secara teratur akan menguatkan iman seseorang [ISI]. Hal ini menunjukkan kebesaran dan kekuasaan Allah SWT dalam mengatur alam semesta [H]. Impaknya, manusia akan lebih mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan menunaikan solat sunat gerhana [HL]. Kesimpulannya manusia hendaklah menghayati setiap kejadian yang diciptakan Allah SWT agar iman menjadi semakin mantap [K]. | KBAT<br>4m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br>HL=1m<br>K=1m<br><br>Mak=4m |

SERTAI TELEGRAM @exercise_students

| NO SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 3(a) (i) | **Dua jenis haji :**<br><br>F1 Haji Ifrad<br>F2 Haji Tamattuk<br>F3 Haji Qiran<br>**2F x 1m = 2m** | <br><br>1<br>1<br>1<br>**Mak=2m** |
| (ii) | **Dua persamaan haji dan umrah dari aspek perkara wajib :**<br><br>F1 Larangan ihram / meninggalkan larangan ihram / contoh-contoh larangan ihram.<br>F2 Mempunyai miqat makani / berniat ihram di miqat.<br>**2F x 1m = 2m** | <br><br>1<br>1<br>**Mak=2m** |
| (b) (i) | **Mengapakah ramai dalam kalangan remaja sekarang meremehkan ibadah ketika berlakunya fenomena di atas?**<br><br>Deskriptor — Skor<br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi & huraian yang menyokong isi. — 2m<br><br>**Contoh jawapan :**<br>Kurang pengetahuan tentang cara melaksanakan solat sunat gerhana [ISI] kerana leka dengan hiburan [H]. | KBAT<br>2m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br><br>Mak=2m |
| (ii) | **Bagaimanakah ilmu sains tentang fenomena ini dapat membantu meningkatkan keyakinan terhadap kebesaran Allah SWT?**<br><br>Deskriptor — Skor<br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi & huraian ringkas. — 2m<br>Menjelaskan isi & huraian lengkap. Contoh atau sebab atau dalil sokongan. — 3m<br>Menjelaskan isi & huraian lengkap. Contoh atau sebab atau dalil sokongan / Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. — 4m<br><br>**Cadangan Isi :**<br>• Fenomena yang kompleks berlaku dengan teratur.<br>• Menunjukkan ketepatan sistem pergerakan bulan, bumi dan matahari yang diatur oleh Allah SWT.<br><br>**Contoh jawapan :**<br>Fenomena gerhana yang kompleks berlaku secara teratur akan menguatkan iman seseorang [ISI]. Hal ini menunjukkan kebesaran dan kekuasaan Allah SWT dalam mengatur alam semesta [H]. Impaknya, manusia akan lebih mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan menunaikan solat sunat gerhana [HL]. Kesimpulannya manusia hendaklah menghayati setiap kejadian yang diciptakan Allah SWT agar iman menjadi semakin mantap [K]. | KBAT<br>4m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br>HL=1m<br>K=1m<br><br>Mak=4m |

<table>
<tr><th>NO SOALAN</th><th>JAWAPAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>3(c) (i)</td><td>

**Dua jenis talak :**

F1 Talak raj'ie.<br>
F2 Talak bain.

2F x 1m = 2m

</td><td>1<br>1<br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>(ii)</td><td>

**Kesan *li'an* :**

F1 Suami isteri tidak boleh rujuk selama-lamanya.<br>
F2 Anak tidak boleh dinasabkan kepada suami.<br>
F3 Anak tidak berhak mendapat nafkah.<br>
F4 Anak tidak berhak mewarisi pusaka daripada ayahnya.

1F x 2m = 2m

</td><td>2<br>2<br>2<br>2<br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>(iii)</td><td>

**Ahmad dan isterinya sering bergaduh. Dalam keadaan marah, Ahmad berkata kepada isterinya, *"Aku ceraikan kau dengan talak tiga!"*. Selepas reda, Ahmad menyesal dan ingin kembali rujuk.**<br>
**Pada pendapat anda, apakah kesalahan yang dilakukan oleh Ahmad?**

<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian yang menyokong isi</td><td>2m</td></tr>
</table>

**Contoh jawapan :**<br>
Ahmad terburu-buru melafazkan talak tiga sekaligus (ISI) kerana tidak berfikir panjang apabila dikuasai emosi (H).

Ahmad melafazkan talak di luar mahkamah (ISI) kerana bertentangan dengan undang-undang keluarga Islam (H).

</td><td>KBAT<br>2m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br><br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>(iv)</td><td>

**Huraikan implikasi lafaz talak tersebut.**

<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi & huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi & huraian lengkap. Contoh atau sebab atau dalil sokongan</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi & huraian lengkap. Contoh atau sebab atau dalil sokongan / Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik</td><td>4m</td></tr>
</table>

**Cadangan Isi:**

- Talak tetap jatuh walaupun dalam keadaan marah.
- Talak tiga menyebabkan tidak boleh rujuk semula.
- Perlu merujuk mahkamah syariah untuk mengesahkan talak.

**Contoh jawapan :**<br>
Talak yang dilafazkan oleh Ahmad tetap jatuh walaupun dilafazkan dalam keadaan marah (ISI). Hal ini kerana talak merupakan perkara serius yang tidak boleh dibuat main-main (H). Impaknya, pasangan berkenaan tidak boleh rujuk semula (HL). Kesimpulannya, seseorang perlulah bijak mengawal emosi dalam melayari rumah tangga agar tidak berlaku penyesalan di kemudian hari (K).

</td><td>KBAT<br>4m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br>HL=1m<br>K=1m<br><br>Mak=4m</td></tr>
</table>

SERTAI TELEGRAM @exercise_students

| NO SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 4(a) (i) | **Sejarah kerajaan Abbasiyah secara ringkas :** | |
| | F1 Penubuhan : Bersempena nama bapa saudara Rasulullah SAW iaitu Abbas bin Abdul Mutalib. | 1 |
| | F2 Pengasas : Abu Abbas Abdullah bin Muhammad bin Ali al-Saffah. | 1 |
| | F3 Tempoh : Selama 524 tahun, bermula dari tahun 132H - 656H. | 1 |
| | F4 Keluasan : Meliputi sebahagian besar benua Afrika, Asia & Eropah. | 1 |
| | F5 Bilangan khalifah : 37 orang khalifah. | 1 |
| | F6 Pusat pemerintahan : Baghdad, Iraq. | 1 |
| | F7 Khalifah terkenal : Abu Al-Abbas Abdullah b. Muhammad Ali al-Saffah / Abi Jaafar Abdullah al-Mansur b. Ali al-Mansur / Harun al-Rasyid b. Muhammad al-Mahdi / Al-Makmun b. Harun al-Rasyid | 1 |
| | F8 Khalifah terawal : Abu Al-Abbas Abdullah b. Muhammad Ali al-Saffah | 1 |
| | F9 Khalifah terakhir : Abu Ismail Muhammad Al-Musta'sim b Harun al-Rasyid. | 1 |
| | **2F x 1m = 2m** | **Mak=2m** |
| (ii) | **Pada pendapat anda, bagaimanakah usaha tersebut melahirkan masyarakat Islam yang intelek?** | KBAT 2m<br>Isi=1m<br>H=1m<br>Mak=2m |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi beserta huraian yang menyokong isi | 2m |

**Contoh jawapan :**
Pemberian biasiswa memberi peluang kepada pelajar melanjutkan pelajaran [ISI] kerana membantu pelajar menguasai pelbagai bidang ilmu / teknologi [H].

| NO SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| (iii) | **Huraikan implikasi sekiranya usaha seperti ini tidak diberikan perhatian dalam sistem pendidikan?** | KBAT 4m<br>Isi=1m<br>H=1m<br>HL=1m<br>K=1m<br>Mak=4m |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1m |
| Menjelaskan isi & huraian ringkas. | 2m |
| Menjelaskan isi & huraian lengkap. Contoh atau sebab atau dalil sokongan. | 3m |
| Menjelaskan isi & huraian lengkap. Contoh atau sebab atau dalil sokongan / Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

**Cadangan isi :**
- Tidak dapat melanjutkan pelajaran.
- Perkembangan ilmu menjadi semakin perlahan.
- Semangat pelajar untuk belajar bersungguh-sungguh semakin berkurangan.

**Contoh jawapan :**
Sekiranya usaha ini tidak diberi perhatian, ramai pelajar yang berpotensi tinggi tidak dapat melanjutkan pelajaran [ISI] kerana masalah kewangan [H]. Keadaan ini akan menyebabkan kehilangan golongan cerdik pandai yang mampu menyumbang kepada kemajuan negara [HL]. Justeru, bantuan pendidikan perlu diperkasakan agar lahir generasi berilmu dan berdaya saing [K].



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

Join SPM Study Group
https://spmpaper.me/group

| NO SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 4(b) (i) | **Tokoh tersebut ialah :**<br>F1 Imam Ahmad bin Hanbal / Ahmad bin Muhammad bin Hanbal / Imam Hanbali<br>**1F x 1m = 1m** | 1<br>**Mak=1m** |
| (ii) | **Hasil karya Imam Ahmad bin Hanbal dalam tamadun Islam :**<br>F1 Al-Musnad<br>F2 Al-Tarikh<br>F3 Al-'Illah<br>**1F x 1m = 1m** | 1<br>1<br>1<br>**Mak=1m** |
| (iii) | **Sebagai seorang murid, bagaimana anda mengaplikasikan keperibadian tokoh tersebut.**<br>CATATAN : Rujuk Deskriptor KBAT 4 markah.<br>**Cadangan isi :**<br>• Usaha yang gigih bagi meningkatkan pengetahuan.<br>• Rajin dan tidak mudah berputus asa menuntut ilmu.<br>• Sanggup menghadapi cabaran.<br>**Contoh jawapan :**<br>Sebagai seorang murid, saya akan mencontohi keperibadian tokoh tersebut dengan usaha yang gigih bagi meningkatkan pengetahuan [ISI]. Hal ini akan menjadikan saya seorang pelajar yang cemerlang [H]. Impaknya, saya dapat membentuk jati diri yang kuat serta menjadi pelajar yang berjaya di dunia dan akhirat [HL]. Justeru, kita hendaklah mencontohi keperibadian tokoh Islam demi mencapai kecemerlangan hidup [K]. | KBAT 4m<br>Isi=1m<br>H=1m<br>HL=1m<br>K=1m<br>**Mak=4m** |
| (iv) | **Mengapakah sikap di atas wajar dijadikan teladan oleh generasi muda?**<br>Deskriptor / Skor:<br>Menyatakan isi sahaja — 1m<br>Menjelaskan isi beserta huraian yang menyokong isi — 2m<br>**Contoh jawapan :**<br>Sikap sanggup berkorban demi akidah, mengajar generasi muda berani mempertahankan prinsip kebenaran [ISI] walaupun berdepan cabaran [H]. | KBAT 2m<br>Isi=1m<br>H=1m<br>**Mak=2m** |
| (c) (i) | **Riwayat hidup Salahuddin al-Ayubi secara ringkas :**<br>F1 Nama penuh : Yusuf bin Ayub bin Syazi<br>F2 Tarikh lahir : 532 Hijrah<br>F3 Tarikh wafat : 589 Hijrah<br>F4 Jawatan : Pemerintah bagi Kerajaan al-Ayubiyyah.<br>F5 Guru beliau yang tersohor : Ali bin al-Hasan bin Hibatullah bin Asakir al-Damasyqi.<br>**2F x 1m = 2m** | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>**Mak=2m** |
| (ii) | **Sumbangan Salahuddin al-Ayubi dalam bidang pentadbiran :**<br>F1 Mengubah sebuah dewan di istana dengan menjadikan sebuah hospital yang dinamakan al-Bimaristan al-Atiq.<br>F2 Menyediakan sebuah gedung ubatan bagi membolehkan ubat diagihkan mengikut gred yang ditetapkan kepada para pesakit.<br>**1F x 2m = 2m** | 2<br>2<br>**Mak=2m** |

<table>
<tr><th>NO SOALAN</th><th>JAWAPAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>5(a) (i)</td><td>Maksud wasatiyah dari aspek kesederhanaan :<br>Melakukan sesuatu dengan sempurna, /[1m] tidak melampaui batas dan mematuhi syarak. /[1m]<br>2F x 1m = 2m</td><td>1<br>1<br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>(ii)</td><td>Hikmah melaksanakan prinsip wasatiyah :<br>F1 Syiar Islam dapat ditegakkan<br>H1 dengan menyempurnakan akhlak dan nilai-nilai murni.<br>F2 Pembangunan yang menyeluruh dan seimbang dapat diwujudkan<br>H2 kerana adanya kestabilan politik.<br>F3 Ekonomi masyarakat yang stabil dapat dijana<br>H3 kerana tiada berlaku pembaziran.<br>F4 Tahap pendidikan masyarakat dapat ditingkatkan<br>H4 kerana mengikut keperluan negara.<br>F5 Masyarakat yang aman damai dan bersatu padu dapat dibangunkan<br>H5 kerana melaksanakan prinsip-prinsip keadilan.<br>*mana-mana jawapan munasabah diterima.<br>TERANGKAN : 1F x 1m = 1m<br>1H x 1m = 1m</td><td>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>(iii)</td><td>Mengapa umat Islam perlu mengamalkan sifat ini dalam kehidupan seharian.<br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi & huraian yang menyokong isi.</td><td>2m</td></tr></table>Contoh jawapan :<br>Melahirkan individu yang seimbang dari aspek jasmani dan rohani [ISI] agar segala tuntutan agama dan urusan keduniaan dapat dilaksanakan dengan sempurna [H].</td><td>KBAT<br>2m<br>Isi=1m<br>H=1m<br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td>(iv)</td><td>Sebagai seorang murid, bagaimana anda mempraktikkan sifat di atas.<br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi & huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi & huraian lengkap. Contoh atau sebab atau dalil sokongan.</td><td>3m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi & huraian lengkap. Contoh atau sebab atau dalil sokongan / Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table>Cadangan isi :<br>• Menguruskan masa dengan bijak antara waktu belajar, berehat dan beribadat.<br>• Bersikap sederhana dalam berpakaian dan berbelanja di sekolah.<br>• Konsisten (istiqamah) dalam menuntut ilmu dan melakukan kebaikan.<br>Contoh jawapan:<br>Pada pendapat saya, murid perlu bijak menguruskan masanya dengan memberi tumpuan kepada pelajaran tanpa mengabaikan kewajipan solat lima waktu [ISI]. Hal ini kerana keseimbangan antara usaha dan doa dapat menanamkan sifat disiplin serta ketenangan jiwa dalam menempuh alam persekolahan [H]. Kesannya, murid tersebut akan menjadi insan yang berilmu serta berakhlak mulia sekaligus menjadi contoh teladan kepada rakan-rakan yang lain [HL]. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa berpegang kepada prinsip kesederhanaan dalam setiap tindakan agar kita memperoleh kejayaan yang diredai Allah SWT [K].</td><td>KBAT<br>4m<br>Isi=1m<br>H=1m<br>HL=1m<br>K=1m<br>Mak=4m</td></tr>
</table>

| NO SOALAN | | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|---|
| 5(b) | (i) | **Maksud ujub :**<br><br>Berasa bangga dengan amalan dan kelebihan /[1m]<br>yang ada pada diri sendiri. /[1m]<br><br>2F x 1m = 2m | <br><br>1<br>1<br><br>Mak=2m |
| | (ii) | **Dua cara meninggalkan sifat mazmumah :**<br><br>F1 Sentiasa muhasabah diri.<br>F2 Sentiasa berzikir kepada Allah SWT.<br>F3 Sentiasa berkawan dengan sahabat yang berakhlak mulia.<br>F4 Sentiasa mengawal nafsu yang suka akan kemegahan dunia.<br>F5 Mencontohi akhlak mulia para rasul dan sahabat dalam kehidupan.<br>F6 Sentiasa mengamalkan sifat mahmudah dan menjauhi sifat mazmumah.<br><br>**mana-mana jawapan munasabah diterima.*<br><br>2F x 1m = 2m | <br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br><br>Mak=2m |
| | (iii) | **Apakah faktor yang menyebabkan seseorang itu sukar untuk meninggalkan sifat ini dalam diri?**<br><br>Deskriptor / Skor:<br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi & huraian yang menyokong isi. — 2m<br><br>**Contoh Jawapan :**<br>Terpengaruh dengan rakan sebaya yang turut mengamalkan akhlak yang buruk [ISI] sehingga menyebabkan seseorang itu menganggap sifat mazmumah tersebut sebagai perkara biasa dalam pergaulan [H]. | KBAT<br>2m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br><br>Mak=2m |
| | (iv) | **Huraikan kesan yang akan berlaku sekiranya sifat ini dibiarkan menular tanpa kawalan.**<br><br>Deskriptor / Skor:<br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi & huraian ringkas. — 2m<br>Menjelaskan isi & huraian lengkap. Contoh atau sebab atau dalil sokongan. — 3m<br>Menjelaskan isi & huraian lengkap. Contoh atau sebab atau dalil sokongan / Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. — 4m<br><br>**Cadangan Isi :**<br>• Hilang perasaan kasih sayang dan persaudaraan (ukhuwah).<br>• Berlakunya huru-hara akibat fitnah dan khianat.<br>• Individu menjadi lemah dan mudah ditindas oleh pihak luar.<br><br>**Contoh Jawapan :**<br>Pada pendapat saya, penularan sifat mazmumah akan menyebabkan hilangnya perasaan kasih sayang dan kepercayaan antara satu sama lain dalam masyarakat [ISI]. Hal ini kerana setiap individu akan sentiasa bersaing secara tidak sihat dan sanggup menjatuhkan orang lain demi kepentingan peribadi [H]. Kesannya, perpaduan masyarakat akan runtuh dan suasana hidup menjadi tidak aman akibat penuh dengan syak wasangka dan dendam [HL]. Oleh itu, setiap anggota masyarakat mestilah berusaha menghiasi diri dengan sifat mahmudah agar keamanan dan keharmonian hidup bersama dapat dikekalkan [K]. | KBAT<br>4m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br>HL=1m<br>K=1m<br><br>Mak=4m |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**